

MALAYSIAN POLYTECHNIC & COMMUNITY COLLEGE SUSTAINABILITY AWARD

2021

(MPCCSustAWARD21)



25 Ogos 2021
Rabu | 2.30 Petang

Anjuran :
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik
& Kolej Komuniti
dengan kerjasama
Politeknik Sultan Idris Shah

Platform : Webex | <https://bit.ly/MPCC-Sust-AWARD21>

ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	2
2.	Kata-kata Aluan 1. Ketua Pengarah JPPKK 2. Pengarah Bahagian Kurikulum JPPKK 3. Pengarah PSIS 4. Pengarah Program MPCCSustAWARD21	3 4 5 6
3.	Aturcara Majlis	7
4.	Senarai Pemenang	8-10
5.	Senarai Penulisan	11
6.	Senarai Panel	12
7.	Jawatankuasa Kerja 1. Jawatankuasa Induk 2. Jawatankuasa Teknikal	13 14-16
8.	Penghargaan	17

PENGENALAN

Dalam usaha Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul dan proaktif serta memastikan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 tercapai, pengurusan pendidikan dan penyelidikan mampan dilihat sebagai satu cara untuk melestarikan institusi kondusif berteraskan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025. Blueprint SmartGreen PolyCC 2021-2026 (BSGPC) juga dibangunkan dengan visi untuk memperkasa budaya hijau dan melestarikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Hala tuju strategik yang praktikal dan dapat dicapai merupakan tonggak utama kejayaan pencapaian visi blueprint ini. Hala tuju ini adalah berpandukan kepada pelaksanaan aktiviti TUJUH (7) Bidang Tumpuan yang perlu dilaksanakan secara seiring dan saling menyokong antara satu sama lain. Bidang Tumpuan tersebut ialah Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan, Pengurusan Tenaga dan Perubahan Iklim, Pengurusan Alam Sekitar Dan Landskap, Pengurusan Sisa, Pengurusan Air, Pengangkutan dan Perolehan Hijau.

BSGPC ini secara langsungnya akan menjadi dokumen rujukan kepada semua aktiviti dan program mampan di setiap politeknik dan kolej komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan secara tidak langsungnya kepada semua institusi pendidikan yang lain. Sealiran dengan itu, semua institusi pendidikan akan dapat memainkan peranan sebagai pusat ilmu untuk melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tertentu, juga tidak ketinggalan dalam bidang lain yang dapat memberi nilai tambah kepada jati diri seperti bidang pengurusan mampan dan komunikasi dengan lebih berkesan. Ini akan dapat memenuhi tuntutan dan keperluan dunia pekerjaan yang semakin mencabar, agar graduan dapat berinteraksi secara berkesan dan harmoni dengan masyarakat dan persekitaran untuk menjamin keseimbangan, kesejahteraan dan kemampanan hidup. SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan tujuan bagi meneruskan agenda 2030 mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Bagi mengukur dan mengiktiraf keberhasilan pelaksanaan BSGPC, JPPKK telah merancang menganjurkan Malaysia Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21) buat kali pertama sejak tahun 2020. Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) merupakan politeknik yang terpilih sebagai tuan rumah pada tahun 2021. Penganjuran program ini adalah secara kolaborasi bersama Bahagian Kurikulum (Unit Teknologi Pertanian), JPPKK dan PSIS yang diwakili oleh Jawatankuasa SmartGreen PolyCC PSIS dan Seksyen Centre of Environmental Technology (CENTA) PSIS yang bertujuan untuk melonjakkan institusi kampus TVET mampan di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa melalui International Webinar & Showcase on Malaysian Sustainability Projects 2022 akan datang.

KATA ALU-ALUAN

**KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



Terlebih dahulu syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, kita dapat bersama-sama menjayakan **Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)**. Di sini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Teknologi Pertanian, Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Politeknik Sultan Idris Shah selaku tuan rumah kerana telah berjaya menganjurkan MPCCSustAWARD21 buat kali yang kedua sejak tahun 2020.

MPCCSustAWARD21 merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan sebagai mendukung Blueprint

SmartGreen PolyCC 2021-2026 (BSGPC). BSGPC telah dibangunkan dalam memastikan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 tercapai berpandukan tujuh (7) bidang tumpuan selaras dengan visi JPPKK untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul. Bidang tumpuan tersebut ialah Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan, Pengurusan Tenaga dan Perubahan Iklim, Pengurusan Alam Sekitar dan Landskap, Pengurusan Sisa, Pengurusan Air, Pengangkutan dan Perolehan Hijau.

Penganjuran MPCCSustAWARD21 ini dilihat mampu memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan TVET yang lebih mampan berteraskan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025. Besarlah harapan saya agar usaha positif ini dapat membuka mata industri kepada kepakaran dan kebolehan yang ditonjolkan oleh pensyarah serta para pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam era globalisasi.

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penganjuran program ini, terutamanya jawatankuasa yang telah berjaya mengelolakan program ini secara maya sepenuhnya. Syabas juga diucapkan kepada semua penerima anugerah dan peserta yang telah memanfaatkan MPCCSustAWARD21 sebagai satu platform perkongsian hasil inovasi dan penyelidikan yang telah dijalankan. Semoga penganjuran program ini dapat memperkasakan lagi budaya hijau dan terus melestarikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

YBRS. Ts. ZAINAB BINTI AHMAD

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pengajian Tinggi

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH BAHAGIAN KURIKULUM
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera



Terlebih dahulu syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, **Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)** dapat dilaksanakan di bawah anjuran Politeknik Sultan Idris Shah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK). Saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Politeknik Sultan Idris Shah kerana telah berjaya merealisasikan penganjuran MPCCSustAWARD21 pada tahun ini.

Blueprint SmartGreen PolyCC (BSGPC) adalah merupakan dokumen rujukan kepada semua aktiviti dan program mampan di setiap Politeknik dan Kolej Komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan secara tidak

langsung kepada semua institusi pendidikan yang lain. Bagi mengukur dan mengiktiraf keberhasilan pelaksanaan BSGPC, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah merancang pelbagai aktiviti dan salah satu program yang dirancang adalah penganjuran program MPCCSustAWARD21 ini.

Penganjuran pada tahun ini berbeza sekali kerana dianjurkan sepenuhnya secara atas talian dan menyaksikan beberapa aktiviti telah dapat dilaksanakan iaitu Anugerah *Smartgreen PolyCC 2021*, Pertandingan Penjimatan Tenaga Electric PolyCC 2021, Anugerah IKON Hijau PolyCC 2021 dan Siri Webinar Hijau. Selain itu, dalam penganjuran kali ini, kita juga telah berjaya menerbitkan Buku Penulisan Penyelidikan Inovasi Hijau di mana penyertaan yang diterima adalah amat menggalakkan dari warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapan kepada semua penyumbang artikel penulisan ini.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Politeknik Sultan Idris Shah dan Unit Teknologi Pertanian, Bahagian Kurikulum JPPKK serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan MPCCSustAWARD21 pada kali ini. Komitmen serta sokongan padu semua pihak yang terlibat amatlah dihargai. Diharapkan hasil penganjuran program kali ini bakal mencorak aliran pendidikan yang lebih berkualiti di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dr. NORHAYATI BINTI ZAKARIA

Pengarah
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah Penganjuran Malaysia Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21) telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS). Saya amat berbesar hati kerana PSIS telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah untuk edisi tahun ini.

Semua sudah sedia maklum bahawa ketika ini seluruh dunia sedang berada dalam Pandemik COVID-19. Norma baru yang sedang kita hadapi ketika ini telah banyak merubah kehidupan dan amalan sehari-hari kita. Perubahan ini, turut memberi impak dalam pelaksanaan program MPCCSustAWARD21 pada kali ini. Jawatankuasa penganjur telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan program ini tetap berlangsung dan pelaksanaannya telah berjaya dijalankan secara atas talian sepenuhnya.

Sesungguhnya PSIS sentiasa menyokong segala usaha untuk melonjakkan institusi kampus TVET mampu di Malaysia. Program ini juga merupakan pengiktirafan kepada usaha yang dilakukan oleh institusi dan individu dalam memperkasakan amalan hijau di Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia. Saya bagi pihak penganjur mengharapkan institusi yang menyertai program pada tahun ini mendapat pendedahan dan perkongsian maklumat berguna berkaitan dengan Amalan Hijau. Penganjuran MPCCSustAWARD21 pada kali ini juga telah berjaya menerbitkan Buku Penulisan Penyelidikan Inovasi Hijau. Penyertaan yang diterima adalah amat menggalakkan dari warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada semua penyumbang artikel dalam penulisan ini.

Syabas diucapkan kepada pihak jawatankuasa dan semua yang telah bertungkus lumus sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga program ini berjaya dilaksanakan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua institusi dan individu yang telah menyertai dan menjayakan penganjuran MPCCSustAWARD21 pada tahun ini.

Sekian Terima Kasih.

Ishanuddin Bin Hussin

Pengarah

Politeknik Sultan Idris Shah

Kementerian Pengajian Tinggi



KATA ALU-ALUAN

PENGARAH PROGRAM

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan rahmat-Nya **Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)** telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Program ini merupakan penganjuran kali kedua di mana pada kali ini ia dianjurkan oleh Politeknik Sultan Idris Shah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).



Suasana dunia yang sedang menghadapi pandemik Covid 19 kini menyaksikan bahawa penganjuran kali ini terpaksa dilaksanakan secara maya sepenuhnya. Namun begitu keadaan ini bukanlah boleh dijadikan alasan dankekangan bagi menjayakan program ini. Bagi pihak seluruh jawatankuasa pelaksana saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua politeknik dan kolej komuniti serta semua individu yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung.

Ucapan terima kasih juga turut dizahirkan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti khususnya Unit Teknologi Pertanian, Bahagian Kurikulum yang sentiasa memberikan sokongan yang berterusan dari awal sehingga ke akhir program. Akhir kata semoga program ini dapat memberikan manfaat kepada semua warga politeknik dan kolej komuniti serta menjadi pemangkin kepada seluruh warga dalam meningkatkan aktiviti dan membudayakan amalan hijau di institusi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Dr. AZRUL BIN MAHFURDZ

Pengarah Program

Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021

(MPCCSustAWARD21)

ATURCARA MAJLIS

Malaysian Polytechnic & Community College

Sustainability Award 2021

(MPCCSustAWARD21)

25 OGOS 2021 (RABU)

- | | |
|-------------|---|
| 2.00 petang | : Pendaftaran online |
| 2.30 petang | : Majlis bermula
Bacaan Doa, Nyanyian Lagu Negaraku |
| 2.40 petang | : Ucapan Aluan oleh En.Ishanuddin Bin Hussian
Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah |
| 2.50 petang | : Ucapan Perasmian oleh Ts.Zainab Binti Ahmad
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik
& Kolej Komuniti |
| 3.05 petang | : Gimik Perasmian MPCCSustAWARD21
dan Tayangan Montaj |
| 3.15 petang | : Pelancaran Buku Penulisan Penyelidikan
dan Inovasi Hijau |
| 3.25 petang | : Pengumuman keputusan
1. Anugerah SmartGreen PolyCC 2021
2. Pertandingan Penjimatkan Tenaga Elektrik
PolyCC 2021
3. Anugerah iKON Hijau PolyCC 2021
4. Anugerah Kertas Penyelidikan dan Inovasi Hijau
PolyCC terbaik 2021. |
| 3.45 petang | : Anugerah Jasa Bakti Mampan Politeknik |
| 4.00 petang | : Sesi bergambar
Majlis bersurai |

SENARAI PEMENANG Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

- **PERTANDINGAN PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK POLYCC 2021
(PERINGKAT POLITEKNIK)**
 - Perak : Politeknik Sultan Azlan Shah
 - : Politeknik Mersing Johor
 - : Politeknik Ungku Omar
 - Gangsa : Politeknik Port Dickson
 - : Politeknik Metro Tasek Gelugur
- **PERTANDINGAN PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK POLYCC 2021
(PERINGKAT KOLEJ KOMUNITI)**
 - Gangsa : Kolej Komuniti Pasir Gudang
 - : Kolej Komuniti Kuala Langat
 - : Kolej Komuniti Langkawi
 - Penyertaan : Kolej Komuniti Jerantut
 - : Kolej Komuniti Ampang
- **ANUGERAH SMARTGREEN POLYCC 2021
(PERINGKAT POLITEKNIK)**
 - Politeknik Sultan Azlan Shah
 - Politeknik Sultan Idris Shah
 - Politeknik Mersing Johor
 - Politeknik Kuching Sarawak
 - Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
- **ANUGERAH SMARTGREEN POLYCC 2021
(PERINGKAT KOLEJ KOMUNITI)**
 - Kolej Komuniti Kuala Kangsar
- **ANUGERAH iKON HIJAU POLYCC 2021
(PERINGKAT INDIVIDU-POLITEKNIK)**
 - Ts. Anuar Bin Abdul Wahab | Politeknik Sultan Idris Shah
 - Ts. Murugan Krishnan | Politeknik Mersing
 - Dr. Tshin Lip Vui | Politeknik Kota Kinabalu
 - Husna Hawa Binti Mohd Hassan | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
 - Mohd Izswan Bin Mohd Sidik | Politeknik Ibrahim Sultan

SENARAI PEMENANG

Malaysian Polytechnic & Community College
Sustainability Award 2021
(MPCCSustAWARD21)

- **ANUGERAH iKON HIJAU POLYCC 2021
(PERINGKAT INDIVIDU-KOLEJ KOMUNITI)**

Norsuzilawate Binti Zulkapli | Kolej Komuniti Jerantut
Mohd Yuzair Bin Yaakub | Kolej Komuniti Bukit Beruang
Nurul Imamah Binti Tajri | Kolej Komuniti Bagan Serai
Syahrul Naim Bin Ibrahim | Kolej Komuniti Selayang
Zarulrizam Bin Ab Jalil | Kolej Komuniti Segamat 2

- **ANUGERAH iKON HIJAU POLYCC 2021
(PERINGKAT INSTITUSI-POLITEKNIK)**

Politeknik Sultan Idris Shah
Politeknik Mersing
Politeknik Seberang Perai
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

- **ANUGERAH iKON HIJAU POLYCC 2021
(PERINGKAT INSTITUSI -KOLEJ KOMUNITI)**

Kolej Komuniti Jerantut
Kolej Komuniti Segamat 2

SENARAI PEMENANG **Malaysian Polytechnic & Community College** **Sustainability Award 2021** **(MPCCSustAWARD21)**

● ANUGERAH PENYELIDIKAN POLYCC 2021 (LIMA PENULISAN KERTAS PENYELIDIKAN TERBAIK)

- 1. Tajuk : Carbonization Of Palm Kernel Shell As Potential Coal Blending Combustion Material For Energy Generation
Penulis : Chm. Muhammad 'Azim Bin Jamaluddin Syahirah Binti Yahya Siti Nor Silmi Binti Nordin Muhammad Izwan Bin Norman Mohd. Adil Hakam Bin Osman | Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)
- 2. Tajuk : Sustainable Development in Entrepreneurship Education: Consulting-based Learning Approach
Penulis : Dr Mazura Binti Mansor | Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
- 3. Tajuk : Kelestarian Bangunan Tipikal Kepada Bangunan Rendah Karbon Melalui Perolehan Hijau Dalam Meningkatkan Kecekapan Penggunaan Tenaga
Penulis : Ts. Zainolrin Bin Saari Siti Farah Binti Hussin Ts. Suhana Binti Ismail Abdul Azizi Bin Jamaludin | Politeknik Mersing Johor (PMJ)
- 4. Tajuk : Dual-Axis Solar Tracker Prototype
Penulis : Mohd Naim Bin Marzuki Muhammad Firdaus Bin Mohd Azly Lee | Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah (POLISAS)
- 5. Tajuk : Keberkesanan Penjimatan Tenaga Melalui Penyamanan Udara Plat Termal Elektrik (PUPTE)
Penulis : Ts. Sharul Nizam Bin Yaakop Ts. Muhamad Asrul Affendi Bin Mat Nor | Kolej Komuniti Kota Marudu | Kolej Komuniti Pasir Salak

Buku Penyelidikan dan Inovasi Hijau

Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

Keterangan ringkas mengenai Buku Penyelidikan dan Inovasi Hijau :

Buku Penyelidikan dan Inovasi Hijau MPCCSustAWARD21 mengandungi kertas penyelidikan dalam tujuh (7) bidang utama iaitu;

1. Pengurusan Pendidikan & Penyelidikan
2. Pengurusan Tenaga & Perubahan Iklim
3. Pengurusan Alam Sekitar & Landskap
4. Pengurusan Sisa
5. Pengurusan Air
6. Pengangkutan
7. Perolehan Hijau

**Sila imbas QR Code untuk melihat senarai penuh
Buku Penyelidikan dan Inovasi Hijau MPCCSustAWARD21
yang boleh diakses secara digital**



SENARAI PANEL

Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

AKTIVITI	TARIKH	NAMA PANEL
Pertandingan Penjimatatan Tenaga Elektrik	16 Julai sehingga 10 Ogos 2021	Ts Steve Anthony Lojuntin (Ketua Panel) Pn Kamilah Binti Wan Zaid En Mohd Hambali Arifin
Ketua Panel Penerbitan Kertas Penyelidikan dan Inovasi Hijau	16 Julai sehingga 14 Ogos 2021	Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin
Panel Siri Webinar Sempena Malaysian Polytechnic and Community College Sustainability Award 2021	29 Jun 2021	Prof Ar. Nurakmal Abdullah @ Goh Tuo Ho Prof Wan Azlan bin Wan Zainal Abidin Prof Dr Azhaili Baharun Prof Madya LAr. Dr Suhardi Maulan
		Prof. Dr. Ir. Norhayati Binti Soin
		En. Mohd Fazil Bin Ismail
		LAr Shaqrony bin Md Yusoff
	30 Jun 2021	Professor Dr Hjh Raja Suzana Raja Kasim
		Adj.Prof Anthony Wong
		Dr Nurulhusna Qamaruz Zaman
	1 Julai 2021	Dr Anwar bin Hamid @Pa (Ketua Panel)
		En. Zulhairie Adni Bin Abdul Halim
		En. Anuar Bin Abdul Wahab
		Pn. Amalina Kamilah Binti Ibrahim
		Cik Nurfadzlina Binti Jamaluddin
Panel Penilai Anugerah Smartgreen PolyCC	16 Julai sehingga 16 Ogos 2021	Prof Emeritus Ir Dr Ahmad bin Jusoh (Ketua Panel)
		Prof. Ir. Dr. Wan Azlina Wan Ab Karim Ghani
		Nooriza binti Ibrahim
Panel Anugerah Ikon Hijau	2 Ogos sehingga 9 Ogos 2021	

JAWATANKUASA INDUK Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

Penaung

Ts.Zainab Binti Ahmad | Ketua Pengarah JPPKK

Penasihat

Dr.Norhayati Binti Zakaria | Pengarah Bahagian Kurikulum JPPKK
En.Ishanuddin Bin Hussin | Pengarah PSIS

Pengerusi

Dr.Mazura Binti Mansor | TPA PSIS

Timbalan Pengerusi (Pengurusan)

LAr.Rohaniah Binti Mohd Nor | JPPKK

Timbalan Pengerusi (Kewangan)

Zulkifli Bin Mat Nasir | PSIS

Timbalan Pengerusi (Operasi)

Chia Soi Lee | PSIS

Pengarah Program

Dr.Azrul Bin Mahfurdz | PSIS

Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Zulkhairi Adni Bin Abdul Halim | JPPKK

Timbalan Pengarah (Operasi)

Hafizulhadi Bin Rahim | PSIS

Bendahari

Zainora Binti Kamal Ludin | PSIS

Penolong Bendahari

Nurfadlina Binti Jamaluddin | JPPKK

Setiausaha

Asma Binti Ibrahim | PSIS

Penolong Setiausaha 1

Amalina Kamilah Binti Ibrahim | JPPKK

Penolong Setiausaha 2

Uzairah Binti Mohd Ali | PSIS

JAWATANKUASA TEKNIKAL Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

Jawatankuasa Buku Program

Ketua : Sarimah Binti Aman Shah
Ahli : Aziah Binti Thalaha
 Siti Norhayati Binti Shamsulazam
 Illyana Binti Mohd.Idrus
 Nurul Asyikin Binti Azemey

Jawatankuasa Multimedia dan Teknikal

Ketua : Rajipah Binti Ibrahim
 Mohamad Faiz Bin Jamaludin
Ahli : Muhammad Syafiq Bin Abdul Ghafar
 Mohd Faizal Bin Yahaya
 Adilla Binti Abd Hassan
 Azim Bin Shahbudin
 Muhd Roszaidi B.Othman
 Raynold Joseph
 Mohd Yusuf Bin Ahmad

Jawatankuasa Pensijilan dan Hadiah

Ketua : Wan Norhayati Binti Wan Tahir
Ahli : Wan Aishah Binti Yusoff
 Noor Aishah Binti Muslim
 Murnie Shakilla Binti Shidan

Jawatankuasa Pertandingan dan Penilaian (Anugerah SmartGreen PolyCC)

Ketua : Ts Anuar Bin Abdul Wahab
Ahli : Mohd Izuddin Bin Mahmood
 Ibrahim Bin Mohd Zulkifli

Jawatankuasa Pertandingan dan Penilaian (Pertandingan Jimat Tenaga Elektrik)

Ketua : Ts Zuraida Binti Hj Kamaruddin
Ahli : Sal Sabilah Binti Mohamad Tahir
 Nurmaghfirah Binti Nordin
 Zubaidah Md Saleh
 Nur Sakinah Binti Mohamad Saiful Bahri

JAWATANKUASA TEKNIKAL Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

Jawatankuasa Pertandingan dan Penilaian (Anugerah Ikon Hijau PolyCC)

Ketua : Mohd Zamri Bin Jamaludin
Ahli : Nur Shuhada Binti Arbaan
Shawalrina Binti Zainal Abidin
Azzah Syahmina Binti Azman

Jawatankuasa Pengacara Majlis dan Teks Ucapan

Ketua : Abd Rashid Bin Mohd Ali
Ahli : Norhayati Binti Othman
Sharida Zaina Bt Shafie
Mohamad Sufian Bin Hussin
Nor Suhaira Binti Jamil
Khairun Nisa Binti Azimi
Mastura Binti Mohamad
Ustaz Tobrahi B. Mohd Shahlan
Mohd Rizal B. Abd. Rahim

Jawatankuasa Promosi

Ketua : Khirun Bin Md Shah
Ahli : Mohd Azmi Bin Mh Busra
Mohd Hafiz Bin Zulkifli
Masliza Binti Mohamed Yusoff
Muhamad Azhari Bin Januri

Jawatankuasa Penerbitan

Ketua : Noor Azira Binti Abdull Razak
Penolong : Mohammed Ilias B Harun Habib Amad Patel
Setiausaha : Siti Suhana Bt Wahab
Ketua Editor : Ts.Fatin Shafinas Binti Rokman
Ahli : Saiful Azhar Bin Mahat @ Kassim
Sharizan Bt Mat Saat
Mohd Burhan B Yusof
Sharida Zaina Bt Shafie
Zaifah Bt Che Wil
Mohd Haziq Abqari B Mohd Hedzir

Jawatankuasa Grafik dan Multimedia

Ketua : Mohamad Faiz Bin Jamaludin
Pereka Grafik : Raynold Joseph
Adilla Bt Abd Hassan

JAWATANKUASA TEKNIKAL Malaysian Polytechnic & Community College Sustainability Award 2021 (MPCCSustAWARD21)

Jawatankuasa Webinar

Ketua : Mohamad Azrin Bin Ramli
Ahli : Naeemah Binti Yusof
 Nur Yasmin Binti Yaaman
 Ts.Nur Azemah Binti Aminludin
 Shahril Khairi Bin Abd Shukor
 Nurul Dafiqah Binti Kamarulzaman

Moderator Webinar :

: Ramu A/L Velusamy
Rozilaili Binti Mustapa
LAr. Dr. Zanariah Binti Kasim
Dr.Azrul Bin Mahfurdz
Chia Soi Lee
Ts.Nur Azemah Binti Aminludin
Dr.Rosmanizah Bt Derahman
Dr.Mazlina Binti Jamaludin
Naeemah Binti Yusof

Jawatankuasa Keberkesanan Program

Ketua : Nor Suhaili Binti Mohamad Zin
Ahli : Nur Amisha Binti Danian
 Wan Nurhazirah Binti Kamaruzaman

Jawatankuasa Pembangunan Portal Pertandingan

Ketua : Nursyima Nadiah Binti Abu Bakar
Ahli : Siti Nurul Hana Binti Ramli
 Syarifah Anis Aqila Binti Syed Nasir

Jawatankuasa Penyertaan

Ketua : Nurul Ain Binti Amir Adli
Ahli : Wan Nur Hidayah Binti Ibrahim

PENGHARGAAN

Jawatankuasa Induk

*Program Malaysian Polytechnic & Community College
Sustainability Award 2021 merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dan
individu yang telah memberi sepenuh kerjasama dan
sokongan bagi menjayakan program ini*

Sekian, Terima Kasih